

TERMA & SYARAT PERADUAN

<u>Penganjur:</u>	F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A)
<u>Peraduan:</u>	PERADUAN 100PLUS KIPID100 MALAYSIA 2024.
<u>Tempoh Peraduan:</u>	<ol style="list-style-type: none">1. Peraduan bermula dari 00:00:00, 01/05/2024 dan berakhir pada 23:59:59, 30/06/2024 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.2. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak akan melayakkan Peserta kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.
<u>Kelayakan:</u>	Peraduan ini dibuka kepada semua penduduk individu sah Malaysia dan Brunei berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam atau pembekal Penganjur.
<u>Produk Turut Serta:</u>	Berikut adalah produk botol PET Eksklusif 100PLUS yang turut serta (“Produk”): <ol style="list-style-type: none">1. 100PLUS ORIGINAL PET Bottle (500ml, 1.5L, 1.75L).2. 100PLUS ZERO PET Bottle (500ml, 1.5L, 1.75L).3. 100PLUS ACTIVE (500ml, 1L).4. 100PLUS Reduced Sugar (500ml, 1.5L).5. 100PLUS Lemon Lime (500ml, 1.5L).
<u>Kaedah Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none">1. Untuk menyertai Peraduan, peserta dikehendaki membeli mana-mana Produk yang turut serta semasa Tempoh Peraduan dan mencari kod unik (“Kod Unik”) yang dicetak di bawah penutup botol sebagai bukti pembelian untuk menghantar penyertaan anda.2. Kaedah penyerahan Peraduan adalah melalui Laman Web Promosi sahaja. Setiap Kod Unik HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana penutup botol Kod Unik dengan nombor yang tidak lengkap, dicetak semula, digandakan, tidak boleh dibaca, tidak jelas, rosak, diubah, diubah suai, dihasilkan sendiri, dipalsukan dan/atau dalam sebarang bentuk yang tidak memenuhi keperluan pada pendapat Penganjur. Semua penutup botol Kod Unik yang tidak memenuhi keperluan yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.
<u>Penyerahan Penyertaan:</u>	<ol style="list-style-type: none">1. <u>Penyerahan penyertaan melalui Laman Web:</u>

	<ol style="list-style-type: none"> a. Layari Laman Web Promosi di http://100plus.com.my/kipid100-malaysia atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang mengambil bahagian dan lengkapkan Borang Web Digital. b. Isikan semua butiran peribadi yang diperlukan iaitu Nama Penuh (seperti dalam MyKad/Pengenalan) dan 6 digit pertama nombor MyKad/Pengenalan termasuk nombor telefon bimbit yang didaftarkan di Malaysia (serasi dengan WhatsApp) untuk komunikasi lanjut pada Borang Digital (“Butiran Peribadi”). c. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png (“Imej”) penutup botol dan pastikan Kod Unik nampak jelas di dalam imej (“Imej”). Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Kod Unik sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. d. Muat naik Imej pada Borang Web dan klik ‘hantar’ (“Penyertaan”). e. Pemberitahuan akan ditunjukkan untuk setiap penyerahan Penyertaan yang berjaya. <ol style="list-style-type: none"> 2. Setiap Peserta berhak/layak menghantar lebih daripada 1 (satu) Penyertaan, namun setiap Penyertaan hendaklah disertakan dengan 1 (satu) Kod Unik. Setiap Kod Unik hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan seterusnya yang diterima dengan Kod Unik yang sama akan dibatalkan kelayakan dan hanya Penyertaan pertama yang dihantar akan layak. 3. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada semakan dan pengesahan Penganjur. Penganjur berhak untuk menolak, membatalkan kelayakan dan/atau membatalkan mana-mana Penyertaan yang tidak jelas, rosak, diubah, diubah suai, dihasilkan sendiri, dipalsukan, tidak boleh dibaca, Imej yang tidak lengkap, Kod Unik yang dicetak semula, Kod Unik berganda, mengandungi lebih daripada 1 (satu) Kod Unik, Penyertaan lewat (iaitu: Penyertaan diterima selepas 23:59:59 pada 30/06/2024) dan/atau dalam apa jua bentuk yang tidak memenuhi keperluan Peraduan mengikut budi bicara mutlak tanpa notis. 4. Penganjur berhak untuk meminta penutup botol asal dengan Kod Unik kemenangan sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan penutup botol asal dengan Kod Unik kemenangan apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah. 5. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
<p><u>Peluang Kemenangan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua Penyertaan yang Layak (“Penyertaan Layak”) diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan akan diperuntukkan peluang kemenangan dalam bentuk nombor bersiri mengikut turutan. 2. Penganjur akan memperuntukkan 1 (satu) nombor bersiri kepada setiap Penyertaan Layak mengikut tarikh dan masa diterima bermula dari nombor bersiri “1”.

<p><u>Hadiah Mingguan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat sejumlah lima puluh (50) Hadiah Pertama dan satu ratus (100) Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut seperti di bawah: <ol style="list-style-type: none"> a. Lima puluh (50) Hadiah Pertama berupa satu (1) Set Raket yang ditandatangani oleh Datuk Lee Chong Wei bernilai RM400 setiap satu. b. Satu ratus (100) Hadiah Sagu Hati berupa satu (1) Jersi yang ditandatangani oleh Duta Jenama 100PLUS bernilai RM300 setiap satu. 2. Terdapat sejumlah empat ratus (400) Hadiah Pertama dan lapan ratus (800) Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. 3. Lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti berikut: Minggu 1: 01/05/2024 – 07/05/2024 Minggu 2: 08/05/2024 – 14/05/2024 Minggu 3: 15/05/2024 – 21/05/2024 Minggu 4: 22/05/2024 – 28/05/2024 Minggu 5: 29/05/2024 – 04/06/2024 Minggu 6: 05/06/2024 – 11/06/2024 Minggu 7: 12/06/2024 – 18/06/2024 Minggu 8: 19/06/2024 – 30/06/2024
<p><u>Pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak setiap minggu akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan satu ratus lima puluh (150) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Pertama Mingguan dan Hadiah Sagu Hati Mingguan minggu tersebut. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. <u>Sebagai contoh:</u> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak untuk Peraduan berjumlah 1501, 1501 akan dibahagikan dengan 150 yang bersamaan dengan 10.01 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 10. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 10. <ul style="list-style-type: none"> - Lima puluh (50) Penyertaan Layak pertama yang diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 10 iaitu: 10, 20, 30, 40, 50 dan seterusnya akan menjadi finalis terpilih Hadiah Pertama Mingguan minggu tersebut. - Satu ratus (100) Penyertaan Layak seterusnya yang diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 10 dari nombor bersiri 500 iaitu: 510, 520, 530, 540, 550 dan seterusnya akan menjadi finalis terpilih Hadiah Sagu Hati Mingguan minggu tersebut.
<p><u>Hadiah Utama:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat dua (2) Hadiah Utama berupa satu (1) Pakej Percutian 7 Hari / 5 Malam ke Perancis untuk 2 orang bernilai RM120,000 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Peraduan. 2. Tempoh perjalanan Pakej Percutian Hadiah Utama sah sehingga 31/12/2024 dan termasuk tambang penerbangan kelas ekonomi (dari Kuala Lumpur), penginapan perkongsian berkembar dan pemindahan lapangan terbang untuk dua (2) orang. 3. Semua Pemenang Hadiah Utama mesti memastikan bahawa pasport mereka sah (dengan tamat tempoh minima 6 bulan dari tarikh perjalanan) dan mesti mempunyai semua dokumen yang berkaitan, termasuk visa, permit masuk dsb.

	<ol style="list-style-type: none"> 4. Pakej Percutian Hadiah Utama mesti diambil mengikut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejen atau penajanya. Wang perbelanjaan tambahan, makan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan ke & dari tempat berlepas pemindahan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain adalah tanggungjawab Pemenang Hadiah Utama. 5. Pemenang Hadiah Utama dikehendaki mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak dan vendor yang bertanggungjawab untuk mengatur dan/atau menyediakan Pakej Percutian.
<p><u>Pemilihan Pemenang Hadiah Utama:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan dua (2) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Utama. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. <u>Sebagai contoh:</u> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak untuk Peraduan berjumlah 10001, 10001 akan dibahagikan dengan 2 yang bersamaan dengan 5000.50. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 5000. Dua (2) Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 5000 iaitu: 5000 dan 10000 akan menjadi finalis terpilih Hadiah Utama.
<p><u>Penebusan Hadiah:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pihak Penganjur akan menghubungi semua Finalis Hadiah terpilih melalui dari nombor 6018 311 0013 ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberi 1 (satu) soalan untuk dijawab melalui WhatsApp. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam WhatsApp, Finalis terpilih akan hilang kelayakan dan digantikan oleh Finalis nombor bersiri seterusnya selepas nombor bersiri Finalis yang telah hilang kelayakan tersebut. 2. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. 3. Pemenang mesti memberikan butiran peribadi seperti Nama Penuh seperti dalam MyKad/Pengenalan, nombor MyKad/Pengenalan, alamat penghantaran untuk pengesahan dan penebusan hadiah melalui WhatsApp. Kegagalan untuk memberikan butiran peribadi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan hadiah dibatalkan, mengikut budi bicara mutlak Penganjur 4. Sepanjang Tempoh Peraduan, setiap Peserta hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah Mingguan dan satu (1) Hadiah Utama. 5. Hadiah Pertama dan Hadiah Sagu Hati akan dihantar kepada Pemenang a dalam tempoh enam (6) – lapan (8) minggu dari tarikh tutup Peraduan ke alamat penghantaran yang diberikan oleh Pemenang melalui WhatsApp. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini

	<p>diatas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur tanpa sebarang pampasan kepada pemenang.</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Semua Pemenang Hadiah Utama akan dihubungi oleh vendor yang dilantik dalam tempoh enam (6) - lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi. Semua Pemenang Hadiah Utama mesti bersetuju dengan temu duga untuk tujuan promosi, publisiti dan pengiklanan yang akan diaturkan oleh Penganjur dan mungkin perlu menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah, jika ada. Penganjur akan mengemas kini Pemenang Hadiah Utama mengenai butiran temuduga dan Majlis Penyampaian Hadiah. Sebarang bayaran tambahan dan/atau fi rampaian, kos dan/atau perbelanjaan yang akan ditanggung berkaitan dengan penggunaan dan/atau penyelenggaraan Hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh dan adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang Hadiah Utama. 7. Semua pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Penebusan Hadiah. 8. Penganjur tidak membuat sebarang jaminan atau representasi berkenaan dengan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah dan/atau kerosakan padanya atau timbul daripadanya. 9. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan di laman web Penganjur di: www.100plus.com.my.
<p><u>Liabiliti, Tanggungjawab dan Hak Penganjur:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. 2. Penebusan hadiah bergantung kepada ketersediaan hadiah dan akan dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. 3. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit, dengan barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan menerima sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah setelah hadiah diambil oleh pemenang. 4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan (iaitu tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai yang dikenakan) yang

	<p>terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.</p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Semua Peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti. 6. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Peraduan, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. 7. Penganjur berhak untuk menarik balik penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan. 8. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan. 9. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu. 10. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Peraduan atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.
<p>Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis bertulis (“Notis”) ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&N” atau “kami”). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendak dari anda dalam borang Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu). 2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan

	<p>kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di fulfilment@omnitem.com.my. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.</p>
<p>Terma Lain:</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian. 2. Terma & Syarat ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di www.100plus.com.my akan diguna pakai. 3. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi www.100plus.com.my atau hubungi Talian Khas di: 03-7880 8527 (Isnin hingga Jumaat: 9pg – 1ptg, 2ptg – 5ptg).